

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 21

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam menunaikan janji manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 dan adakah jawatankuasa khas telah mewujudkan petunjuk indeks prestasi (KPI) dan mengkaji segala janji dapat ditunaikan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Nasional Janji Kerajaan telah ditubuhkan sebagai mekanisme pemantauan dan penyelarasan Janji Kerajaan. Di samping itu, jawatankuasa peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri itu juga berfungsi menilai dan membuat keputusan ke atas cadangan dan syor penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit bagi memastikan *milestone* pencapaian seperti yang telah ditetapkan. Sebanyak 464 inisiatif daripada 107 janji yang terkandung di dalam Janji Kerajaan. Apa-apa pengumuman mengenai pencapaian Janji Kerajaan akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.